

26 APR 2004

Umno-Mahathir

UMNO BERI PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Umno hari ini memberi penghargaan kepada bekas Perdana Menteri dan Presiden Umno Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam satu majlis makan malam di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa melahirkan penghargaan kepada Dr Mahathir pada majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), berkata bekas perdana menteri telah mengorbankan diri untuk kemajuan parti dan negara.

"Beliau masih berkhidmat kerana ia sudah menjadi darah dagingnya untuk menyumbang idea untuk membangunkan negara dan orang Melayu khususnya," kata Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan hampir kesemua pemimpin parti itu serta lebih 2,000 anggota UMNO.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah menyerahkan Umno kepadanya ketika parti itu kukuh dan kekukuhan itu akan dipertahankan.

Katanya Umno hari ini semakin kukuh dan perkara itu dibuktikan pada pilihan raya umum 21 Mac lepas apabila calon-calon Umno memenangi banyak kerusi yang dipertandingkan.

"Kita perlu uruskan kejayaan kita dengan baik, sama seperti kita uruskan kegagalan. Semasa mempengerusikan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Dr Mahathir selalu berkata kita perlu mencari sebab mengapa sesuatu itu berlaku dan lepas itu barulah cari jalan memperbaikinya.

"Yang baik akan terus diperbaiki dan yang tidak baik dipulihkan. Pendekatan atau formula ini yang diamalkan oleh Dr Mahathir telah berjaya membawa kebaikan kepada negara," katanya.

Beliau juga berkata pertambahan anggota parti itu di bawah pemerintahan Dr Mahathir adalah kerana orang Melayu percaya dan yakin dengah bekas perdana menteri itu.

Umno bertuah kerana sejak ditubuhkan ia mendapat pemimpin yang

baik,  
berwibawa, berdaya maju, dan gigih yang membawa kemajuan kepada  
parti dan  
orang Melayu, kata Abdullah.

Abdullah berkata anggota Umno boleh berterima kasih kepada Dr  
Mahathir  
yang telah menjadikan Umno lebih kuat dan maju serta bekerja untuk  
mencapai  
Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata orang Melayu perlu mengadakan perubahan  
minda  
dan sikap untuk menjadikan Malaysia cemerlang, gemilang dan  
terbilang.

Beliau menyeru anggota Umno berikrar untuk meneruskan kejayaan  
yang  
telah dibentuk oleh Dr Mahathir dan beliau percaya ia merupakan  
hadiah  
paling istimewa kepada perdana menteri keempat negara.

Abdullah juga berterima kasih kepada Dr Siti Hasmah yang telah  
menjaga  
Dr Mahathir dengan baik dan membantu beliau mentadbir negara dalam  
tempoh  
22 tahun itu.

Dr Mahathir, yang menerajui Umno lebih 22 tahun sebelum  
melepaskan  
jawatannya dalam kerajaan dan parti pada Oktober lepas, dalam  
ucapannya  
berkata beliau amat terharu dengan Umno yang telah menganjurkan  
majlis itu  
buat beliau dan isterinya.

"Sebenarnya malam ini amat bermakna kerana pertama kali saya  
dapat  
berjumpa dengan pemimpin Umno selepas pilihan raya yang baru lalu,"  
katanya.

Dr Mahathir juga berkata keputusan pilihan raya umum lepas  
membuktikan  
bahawa Abdullah adalah seorang pemimpin yang baik yang mampu membawa  
negara  
ke masa depan yang lebih cerah.

"Bila saya hendak mengundurkan diri ramai yang kata kononnya  
kalau saya  
tidak ada, Barisan Nasional (BN) tidak akan mendapat kemenangan yang  
besar  
tetapi saya tahu itu tidak benar," katanya.

Dr Mahathir berkata kini BN telah mendapat lebih 90 peratus  
kerusi yang  
dipertandingkan pada pilihan raya umum bulan lalu dan menurutnya  
"kalau  
saya tahu ini akan berlaku saya akan mengundurkan diri lebih awal."

Katanya beliau telah bersara secara langsung daripada Umno dan  
kini  
hanya menjadi anggota biasa parti.

Dr Mahathir mengulangi janji yang beliau tidak akan mengganggu kepimpinan Umno, BN atau kerajaan dan "janji saya setakat ini saya telah tunaikan."

"Keputusan pilihan raya jelas sekali menunjukkan rakyat menyokong pengganti saya dan harap Umno akan terus maju. Saya tidak ada nasihat kepada pemimpin Umno yang akan menghadapi pemilihan parti tidak lama lagi, tetapi ingatlah parti lebih besar daripada sesiapa pun. Apa juga kita lakukan, pastikan kita utamakan parti."

Khalil dalam ucapannya pula berkata sejak Dr Mahathir memimpin Umno dari 26 Jun 1981 sehingga 31 Okt 2003, jumlah anggota Umno telah meningkat tiga kali ganda iaitu daripada 872,796 kepada 2.81 juta.

"Pada masa Tun juga, Umno telah masuk ke Sabah pada 21 Feb 1991 dengan sebanyak 2,146 cawangan dengan keanggotaan 74,625. Bilangan keanggotaan Umno semasa Tun melepaskan jawatan adalah seramai 431,418 orang," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir merupakan satu nama yang tidak boleh dipisahkan daripada setiap anggota Umno kerana pelbagai paradigma dan pembangunan yang dibawanya untuk kesejahteraan parti mahupun negara.

Khalil berkata sesiapa pun tidak boleh menafikan bahawa kejayaan paling besar Dr Mahathir ialah membawa perubahan besar dalam pemikiran anggota Umno.

-- BERNANA  
SR MUN RHM